

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang tercicir pada tahun ini dan tahun lepas dan perbezaan dengan tahun 2018 dan 2019 serta sebab keciciran ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk definisi keciciran sebagai keciciran daripada sistem pendidikan iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat/menghabiskan tempoh pendidikan.

Kadar murid cicir di Malaysia pada peringkat sekolah rendah menurun daripada 0.15 peratus pada tahun 2018 kepada 0.12 peratus pada tahun 2019. Manakala kadar murid cicir peringkat sekolah menengah menurun daripada 1.21 peratus pada tahun 2018 kepada 1.14 peratus pada tahun 2019. Data murid cicir tahun 2020 menunjukkan bahawa kadar murid cicir pada peringkat sekolah rendah adalah 0.10 peratus. Manakala kadar murid cicir pada peringkat sekolah menengah adalah 1.13 peratus. Data keciciran bagi tahun 2021 akan dikeluarkan sebelum akhir tahun ini.

## NO. SOALAN: 61

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor keciciran murid yang dikenal pasti adalah tidak berminat untuk belajar, kemiskinan, masalah disiplin, perceraian ibu bapa, kurang kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan gejala sosial.

Semasa tempoh persekolahan bersemuka, KPM menggunakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) bagi membantu pihak sekolah memberi intervensi kepada murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah hingga tamat Tingkatan 5. Objektif GPMBC adalah memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan. Manakala bagi murid yang tercicir pula, KPM mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat bagi membantu murid meneruskan persekolahan sehingga tamat Tingkatan 5.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran murid terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Oleh yang demikian, selain daripada keciciran daripada sistem pendidikan, KPM turut melihat keciciran dalam konteks penguasaan pembelajaran. Bagi memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (*online*), di luar talian (*off-line*) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memantau penyertaan murid dalam PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum. Sejar dengan pembukaan semula sekolah KPM telah melaksanakan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program ini memberi fokus kepada usaha meningkatkan tahap pengusassn dalam kandungan kurikulum dan seterusnya merapatkan jurang pembelajaran murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN**  
**[BUKIT BINTANG]**  
**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membanteras wabak COVID-19 sejak tahun 2020 hingga sekarang dan berapa pula telah dirizabkan untuk kegunaan akan datang memandangkan kes jangkitan dan kematian semakin meningkat setiap hari seumpama tiada noktah dan bagaimana Pelan Pemulihan Negara boleh berjaya sepenuhnya sedangkan tahap kesedaran rakyat belum memuaskan lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM38 bilion. Pada tahun 2021, perbelanjaan sehingga akhir Ogos adalah sebanyak RM20.9 bilion, menjadikan jumlah perbelanjaan terkumpul sebanyak RM58.9 bilion atau 90.6% dari jumlah siling RM65 bilion yang ditetapkan. Sebahagian besar perbelanjaan iaitu kira-kira 42.5% daripada jumlah perbelanjaan adalah untuk membiayai program Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Prihatin Rakyat yang berjumlah RM25 bilion. Di bawah program ini, sekitar RM11.2 bilion dibelanjakan untuk BPN pada April dan Mei 2020, RM7.2 bilion untuk BPN 2.0 pada Oktober 2020 dan Januari 2021, dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang diagihkan dalam beberapa fasa pada 2021. BPN telah memanfaatkan 10.6 juta penerima yang berpendapatan RM8,000 ke bawah, mewakili kira-kira satu pertiga daripada populasi, sementara BPR memanfaatkan sekitar 8 juta penerima berpendapatan RM5,000 ke bawah. Selain BPN dan BPR, sebanyak RM17.3 bilion iaitu 29.4% daripada jumlah perbelanjaan KWC-19 disalurkan kepada Program Subsidi Upah, manakala RM5 bilion (8.5%) untuk program Geran Khas Prihatin dan RM3.7 bilion (6.3%) untuk projek berskala kecil.

Sementara itu, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM2.6 bilion untuk program di bawah kategori perbelanjaan di bawah COVID-19 yang merangkumi perkhidmatan kesihatan berkaitan COVID-19, serta pembelian alat dan peralatan perubatan untuk meningkatkan kapasiti kesihatan dan wad ICU. Di samping itu, perbelanjaan berjumlah RM1 bilion turut disalurkan kepada program sokongan bantuan sosial untuk meningkatkan ekonomi golongan mudah terjejas dengan pelbagai inisiatif perbelanjaan seperti pemberian untuk ibu tunggal dan orang kelainan upaya, Program Jaringan Prihatin, Bantuan Makanan Asas, dan Program Klinik Bergerak. Baki perbelanjaan sebanyak RM4.3 bilion telah dibelanjakan untuk program lain seperti e-Penjana, pinjaman mikro

kredit di bawah BSN dan Tekun Nasional, Dana Jaminan Makanan dan Diskaun Bil Elektrik.

Kerajaan telah berkali-kali mengulangi komitmen bahawa rakyat dan perniagaan yang memerlukan bantuan akan tetap disokong sebaik mungkin, dan untuk itu had siling Kumpulan Wang COVID-19 akan ditingkatkan jika perlu.

Sehubungan itu, pada 10 September 2021, Majlis Jemaah Menteri telahpun meluluskan cadangan untuk membentangkan pindaan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019) [Akta KWC] bagi meningkatkan had siling Kumpulan Wang COVID-19 daripada RM65 bilion kepada RM110 bilion.

Pindaan RUU tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan Rakyat pada bulan Oktober ini dan ianya bertujuan untuk, antara lainnya, mengukuhkan sistem kesihatan awam terutamanya bagi membendung penularan wabak COVID-19 serta merawat pesakit COVID-19; menambahbaik bantuan tunai langsung kepada rakyat; dan menyokong kelangsungan perniagaan, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta PKS mikro.

Bagi memastikan PPN berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat dan rakyat berhubung inisiatif pemulihan negara, portal PPN (<https://pelanpemulihannegara.gov.my/>) yang memusatkan data dan maklumat dengan lebih mudah dan tepat untuk semua rakyat telah dibangunkan. Portal PPN ini telah diintegrasikan dengan pelbagai maklumat seperti SOP terkini dan bantuan-bantuan yang diberikan kepada rakyat dan perniagaan, serta soalan-soalan lazim mengenai PPN. Status penyaluran bantuan juga boleh didapati di laman [kewanganrakyat.com](http://kewanganrakyat.com)

Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut memainkan peranan penting dalam menerangkan kepada rakyat berhubung kesan positif vaksinasi yang mana dapat mengurangkan kemasukan pesakit ke hospital dan menurunkan bilangan kes bagi kategori 3 hingga 5 melalui sidang media secara berkala.

Diharapkan agar seluruh rakyat Malaysia dapat memanfaatkan kemudahan portal PPN serta portal lain yang berkaitan untuk menambah kesedaran rakyat berhubung status pemulihan negara supaya kita sama-sama dapat keluar dari pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.